



TERMA DAN SYARAT
KEMPEN WORK+ EMPLOYER FY2025

"Kempen Work+ Employer FY2025" ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran 196001000142 (3813-K)) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran 200701029411 (787435-M)) (secara kolektif dirujuk sebagai "Maybank") dan tertakluk kepada terma dan syarat ("Terma dan Syarat") yang dinyatakan di sini. Kempen ini akan berlangsung dari **1 Jun 2025 (12.00 Pagi) hingga 31 Mac 2026 (11.59 Malam)** (kedua-dua tarikh termasuk) ("Tempoh Kempen"). Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 1) secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

Kelayakan Kempen

1. Kempen ini terbuka kepada -
 - a) Pelanggan baharu Maybank Work+ (seperti ditakrifkan dalam Catatan iii Klausula 3) (warganegara dan bukan warganegara Malaysia) dalam Maybank2U Biz ("M2Ubiz"), Maybank2u ("M2U") dan Maybank2E Regional Cash Management System ("RCMS") di bawah segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") Perbankan Perniagaan ("PP") dan Perbankan Global ("PG") yang terdiri daripada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat sendirian berhad, persatuan dan badan profesional; dan
 - b) Pelanggan Maybank sedia ada (warganegara atau bukan warganegara Malaysia) Maybank Payroll di bawah segmen PKS dan PG yang berdaftar untuk Maybank Work+ dengan menjalankan urusan niaga pembayaran gaji pada setiap bulan;
(kemudian dirujuk sebagai "Pelanggan Yang Layak").
2. Pelanggan Maybank Work+ ialah pelanggan yang menggunakan salah satu daripada sistem/akaun berikut :-
 - a) Maybank2uBiz (M2Ubiz) Pembayaran Pukul;
 - b) Maybank2u Biz (M2Ubiz) Pemindahan Tunggal;
 - c) Maybank2U (M2U); dan
 - d) Maybank2E Sistem Pengurusan Tunai Wilayah (RCMS).
3. Adalah wajib bagi Pelanggan Yang Layak untuk mematuhi semua Terma dan Syarat yang dinyatakan disini, termasuk melanggan dan menggunakan sistem Maybank Payroll (perkara (i) dan (ii) di bawah) serta menjalankan transaksi gaji (perkara (iii) di bawah) sepanjang Tempoh Kempen:
 - (i) Melanggan: Pelanggan Yang Layak perlu memuat turun dan mengisi borang



permohonan Maybank Payroll melalui laman sesawang Maybank di www.maybank2u.com.my bagi Maybank2uBiz Pembayaran Pukul; manakala bagi Maybank2E Sistem Pengurusan Tunai Wilayah (RCMS), Pelanggan Yang Layak perlu e-mel ke m2ehelpdesk-my@maybank.com.my untuk pemprosesan.

- (ii) Melanggan kepada Work+ dengan sekurang-kurangnya 1 gaji pekerja dikreditkan ke Maybank.
- (iii) Menjalankan Urus Niaga Gaji:
Pelanggan Yang Layak yang log masuk ke M2uBiz Pembayaran Pukul dan/atau M2E RCMS dan/atau M2U dan menjalankan transaksi pembayaran gaji sebanyak RM10,000 dan ke atas pada setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen akan dianggap sebagai pembayaran gaji aktif.

Catatan:

- i. Pelanggan Yang Layak yang memenuhi syarat-syarat dalam Klausula 3(i), 3(ii) dan 3(iii) di atas akan menyertai Kempen ini secara automatik.
- ii. Pelanggan Yang Layak tidak berhak untuk memenangi Hadiah Utama dan Ganjaran Suku Tahunan jika mereka gagal menjalankan transaksi gaji seperti yang diperuntukkan dalam Klausula 3(iii) di atas bagi mana-mana satu bulan sepanjang Tempoh Kempen.
- iii. Work+ didefinisikan sebagai pelanggan Maybank yang menggunakan Sistem Maybank Payroll seperti dalam Klausula 3(i), 3(ii) dan 3(iii) di atas dan menjalankan penkreditan gaji kepada pekerja melalui akaun gaji Maybank.

4. Produk/Akaun Penyertaan :

1.	SME First Investment Account-i
2.	SME First Account-i
3.	Basic Current Account-i For SME
4.	Current Account-i
5.	Premiere Mudharabah Account-i bagi PKS PP
6.	Corporate Current Account ("CCA")
7.	SME First Account
8.	Basic Current Account for SME

Maybank ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").

Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan di www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.

Pendaftaran Kempen

- 5. Pelanggan Yang Layak mesti mendaftar penyertaan untuk Kempen dalam Tempoh Kempen.



- 5.1. Pendaftaran Kempen boleh dibuat melalui halaman Kempen di laman web Maybank2u atau saluran lain yang diperkenalkan oleh Maybank dari semasa ke semasa seperti yang dinyatakan melalui bahan pemasaran yang dihantar atau diterbitkan kepada Pelanggan Yang Layak melalui emel dan/atau Sistem Pesanan Ringkas ("SMS") dan/atau Notifikasi melalui applikasi MAE.
- 5.2. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang diberikan semasa pendaftaran adalah tepat and dihantar dalam Tempoh Kempen. Kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan pendaftaran dianggap tidak sah dan/atau tidak berjaya.
- 5.3. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan Yang Layak yang mempunyai beberapa akaun perniagaan Maybank hanya perlu mendaftar sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- 5.4. Jika maklumat yang diberikan oleh Pelanggan Yang Layak semasa proses pendaftaran tidak sepadan dengan rekod dalam sistem Maybank, Maybank berhak untuk menolak pendaftaran tersebut.
- 5.5. Jika Pelanggan Yang Layak telah mendaftar untuk Kempen ini sebanyak dua kali melalui pelbagai saluran, Maybank hanya akan mengiktiraf dan menerima pendaftaran yang pertama sebagai rekod rasmi.

6. Hadiah, Ganjaran, Kelayakan dan Mekaniks

JENIS	KELAYAKAN DAN MEKANIKS						
<u>Ganjaran Pertama</u> Hadiah Utama	a) Pelanggan Yang Layak perlu memastikan pembayaran gaji yang aktif pada setiap bulan (lihat Klausa 3(iii) di atas) dan mengekalkan pertumbuhan bulanan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM200,000 sepanjang Tempoh Kempen. b) Pelanggan Yang Layak mesti melakukan pengkreditkan gaji bulanan minimum sebanyak RM10,000 untuk menjadi layak memenangi Hadiah Utama. <table><tr><th>Kategori Ganjaran</th><th>Bilangan Pemenang</th><th>Hadiah</th></tr><tr><td>Hadiah Utama</td><td>2 (satu dari PKS* dan satu dari PG**</td><td>2 unit Mitsubishi Triton 4x4</td></tr></table> *PKS: Syarikat dengan Perolehan Jualan Tahunan Perniagaan bersamaan atau kurang daripada RM25 juta. **PG: Syarikat dengan Perolehan Jualan Tahunan Perniagaan melebihi RM25 juta.	Kategori Ganjaran	Bilangan Pemenang	Hadiah	Hadiah Utama	2 (satu dari PKS* dan satu dari PG**	2 unit Mitsubishi Triton 4x4
Kategori Ganjaran	Bilangan Pemenang	Hadiah					
Hadiah Utama	2 (satu dari PKS* dan satu dari PG**	2 unit Mitsubishi Triton 4x4					



Baki Purata Harian =

Jumlah baki akhir harian bagi 1-bulan dalam Akaun Penyertaan
Bilangan hari dalam sebulan

- c) Pemilihan pemenang akan dilakukan dengan menggunakan Program Pemilihan Rawak Maybank berdasarkan penyertaan yang berikut:-

Kriteria Penyertaan	Bilangan Penyertaan
Melakukan transaksi gaji > 30 orang pekerja ke akaun Maybank	15 penyertaan
Melakukan transaksi gaji >RM30,000 ke akaun Maybank	15 penyertaan
Setiap pertambahan BPH sebanyak RM200,000	15 penyertaan
Pelanggan Pinjaman	15 penyertaan
Melanggan Perkhidmatan Terminal Pembayaran (<i>Merchant Points of Sales</i>)	15 penyertaan
Kad Kredit Komersial / Kad Debit Korporat	15 penyertaan
Pemohonan pinjaman PKS melalui STP	15 penyertaan
Melanggan ke Insurans Kemalangan Diri Berkumpulan Etika	15 penyertaan

Jadual 1: Penyertaan Kriteria

Syarat Tambahan

- d) Menjadi keperluan mandatori bagi Pelanggan Yang Layak untuk menggunakan secara aktif (lihat Klausa 3(iii) di atas) M2UBiz Pembayaran Pukal, M2UBiz Pemindahan Tunggal dan/atau M2E/RCMS dan/atau M2U secara berturut-turut pada setiap bulan bagi transaksi Maybank Payroll sepanjang Tempoh Kempen.
- e) Pelanggan Yang Layak juga perlu kekal aktif (lihat Klausa 3(iii) di atas) sepanjang Tempoh Kempen dan mencatatkan pertumbuhan deposit/dana yang positif (melalui peningkatan jumlah deposit / dana dalam akaun), yang akan dikira pada akhir Tempoh Kempen.
- f) Pemenang yang berpotensi bagi Hadiah Utama akan disenarai pendek secara dalaman melalui Program Rawak Maybank yang akan memilih secara rawak pemenang yang disenarai pendek dan pemenang akan layak memenangi lebih daripada satu (1) hadiah sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.



Ganjaran Kedua

Ganjaran Suku Tahunan

- a) Pelanggan Yang Layak perlu memastikan pembayaran gaji yang aktif pada setiap bulan (lihat Klausa 3(iii) di atas) dan mengekalkan pertumbuhan bulanan BPH sebanyak RM200,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.
- b) Pelanggan Yang Layak mesti melakukan pengkreditkan gaji bulanan minimum sebanyak RM10,000 untuk layak memenangi Ganjaran Suku Tahunan.

Kategori Ganjaran	Bilangan Pemenang	Hadiah (RM)
Suku Tahunan 1 (1 Jun 2025 – 30 September 2025)	10 pemenang	RM5,000 setiap seorang
Suku Tahunan 2 (1 Oktober 2025 – 31 Disember 2025)	10 pemenang	RM5,000 setiap seorang
Suku Tahunan 3 (1 January 2026 – 31 Mac 2026)	10 pemenang	RM5,000 setiap seorang

BPH =

$$\frac{\text{Jumlah baki akhir harian bagi 1-bulan dalam Akaun Penyertaan}}{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}$$

- c) Pemilihan pemenang akan dilakukan dengan menggunakan Program Rawak Maybank berdasarkan kriteria penyertaan dalam Jadual 1 di atas.

Syarat Tambahan

- d) Menjadi keperluan mandatori bagi Pelanggan Yang Layak untuk menggunakan secara aktif (lihat Klausa 3(iii) di atas) M2UBiz Pembayaran Pukal, M2UBiz Pemindahan Tunggal dan/atau M2E/RCMS dan/atau M2U secara berturut-turut pada setiap bulan bagi transaksi Maybank Payroll sepanjang Tempoh Kempen.
- e) Pelanggan Yang Layak juga perlu kekal aktif (lihat Klausa 3(iii) di atas) sepanjang Tempoh Kempen dan mencatatkan pertumbuhan deposit/dana yang positif (melalui peningkatan jumlah deposit / dana dalam akaun), yang akan dikira pada akhir Tempoh Kempen.
- f) Pemenang yang berpotensi bagi Ganjaran Suku Tahunan akan disenarai pendek secara dalaman melalui Program Rawak Maybank yang akan memilih secara rawak pemenang yang disenarai pendek dan pemenang akan layak memenangi lebih daripada satu (1) hadiah sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.



7. Penyempurnaan Hadiah

7.1. Hadiah Utama

- 7.1.1 Pemenang akan dihubungi oleh wakil Maybank di nombor telefon bimbit berdaftar yang direkodkan dalam sistem Maybank.
- 7.1.2 Sekiranya Pemenang Hadiah Utama tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) kali percubaan panggilan pada hari yang sama atas apa jua sebab dan/atau pemenang ingin menarik diri daripada Kempen apabila dihubungi oleh wakil Maybank, kelayakannya akan dibatalkan daripada Kempen.
- 7.1.3 Maybank hendaklah menentukan kaedah penyampaian hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada majlis penyampaian hadiah atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- 7.1.4 Pemenang Hadiah Utama dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah (jika ada/perlu) dan sekiranya pemenang tidak dapat menghadiri majlis tersebut, dia secara automatik akan dibatalkan kelayakannya dan tiada pampasan atau pengaturan akan dibuat selepas majlis pemberian hadiah.
- 7.1.5 Untuk menuntut Hadiah Utama, para pemenang bersetuju untuk dihubungi oleh pengedar yang dilantik oleh Maybank bagi membantu proses pendaftaran kenderaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan ("JPJ") dan urusan perlindungan insurans sebelum majlis penyampaian hadiah yang tarikh dan tempatnya akan ditentukan oleh Maybank mengikut budi bicaranya.
- 7.1.6 Liabiliti Maybank berhubung dengan Hadiah Utama adalah hanya untuk membayar harga pembelian yang sama kepada pengedar. Hadiah Utama tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau jenis lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Maybank berhak untuk memilih warna Hadiah Utama, jika berkenaan. Gambar visual Hadiah Utama yang digunakan dalam sebarang iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen adalah hanya untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah Utama dan tidak termasuk sebarang aksesori pilihan.
- 7.1.7 Sekiranya pengedar tidak dapat membekalkan model yang sama bagi Hadiah Utama seperti yang diterangkan di sini kepada Maybank disebabkan oleh sebarang sebab, termasuk tetapi tidak terhad kepada penarikan semula pengeluaran atau kerosakan, force majeure, kehilangan atau kecurian semasa penyimpanan dan/atau penghantaran, Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama dengan model lain yang mempunyai nilai yang sama atau serupa atas budi bicaranya dengan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pengumuman Pemenang Hadiah Utama di laman web Maybank di <https://www.maybank2u.com.my/> atau sebarang kaedah lain yang



dianggap sesuai. Walau bagaimanapun, Maybank tidak bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah Utama sekiranya ia rosak atau dicuri selepas diserahkan kepada pemenang.

- 7.1.8 Penyertaan Hadiah Utama dalam Kempen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai sebarang sokongan atau cadangan terhadap Hadiah Utama oleh Maybank. Untuk sebarang pertikaian berkenaan dengan kualiti atau jaminan Hadiah Utama serta sebarang terma dan syarat yang berkaitan, setiap Pemenang hendaklah berurusan terus dengan pengedar tanpa sebarang rujukan kepada Maybank. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah Utama atau sebarang terma dan syarat yang berkaitan dan tidak akan melayan sebarang aduan berhubung dengan Hadiah Utama.
- 7.1.9 Pemenang hendaklah menanggung sepenuhnya liabiliti dan tanggungjawab sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kecederaan peribadi dan/atau kematian) yang berpunca daripada penggunaan Hadiah Utama selepas penghantaran. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan atau kecederaan (termasuk kematian) dalam apa jua cara sekalipun yang dialami oleh pemenang akibat penggunaan Hadiah Utama selepas penghantaran.
- 7.1.10 Hak milik atas Hadiah Utama dan sebarang risiko ketidakmampuan untuk menggunakan, kerugian atau kerosakan pada Hadiah Utama akan berpindah kepada pemenang selepas penghantaran Hadiah Utama atau jika Hadiah Utama digantikan dengan model lain, setelah penghantaran model tersebut.
- 7.1.11 Sebarang pertikaian yang timbul daripada terma dan syarat yang terpakai untuk Hadiah Utama tersebut mesti diselesaikan secara langsung di antara pemenang dan pengedar. Maybank tidak bertanggungjawab untuk menyiasat atau menyelesaikan sebarang pertikaian antara pemenang dan pengedar dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan atau membatalkan sebarang penebusan akibat daripada pertikaian tersebut.
- 7.2. Surat dan/atau emel pengesahan akan dihantar ke alamat bil pemenang atau alamat e-mel yang direkodkan dalam sistem Maybank dalam tempoh empat belas (14) minggu dari tamat Tempoh Kempen (untuk Hadiah Utama).
- 7.3. Ganjaran Suku Tahunan akan dikreditkan ke dalam akaun aktif penyertaan pemenang dalam tempoh lapan hingga dua belas (8 – 12) minggu dari akhir setiap tempoh suku tahunan. Pemenang mestilah mempunyai akaun penyertaan yang aktif sepanjang tempoh pelaksanaan Hadiah untuk menerima Hadiah mereka.
- 7.4. Pengumuman pemenang (contohnya, nama dan nombor akaun Maybank yang disamarkan) juga akan dibuat di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my dan/atau media sosial Maybank dalam tempoh empat belas (14) minggu selepas penyelesaian penyerahan hadiah.



- 7.5. Hadiah adalah tertakluk kepada pilihan yang ada dan Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan model yang mempunyai nilai yang serupa.
- 7.6. Semua kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, adalah tanggungjawab pemenang.
- 7.7. Jika terdapat sebarang pertikaian atau tidak menerima Hadiah Utama dan Ganjaran Suku Tahunan, pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2026 untuk membuat permohonan bagi siasatan. Tiada permohonan untuk sebarang siasatan akan dilayan selepas 31 Ogos 2026.

Terma & Syarat Umum

8. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
9. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana cara lain mengikut budi bicara Maybank. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
10. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat Terma dan Syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
11. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Penyata Privasi Maybank") dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu.

Di samping itu, dan tanpa prejudis kepada terma dalam Penyata Privasi Maybank dan



Borang PDPA untuk Pelanggan Individu, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau media publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital dan di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berhubung dengan Kempen.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010).

- 12. Maybank dan pegawai, pekhidmat, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Yang Layak dalam Kempen ini untuk sebarang kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang berhubung dengan Kempen ini melainkan kecuaian atau peninggalan yang teruk oleh Maybank.
- 13. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan melaksanakan untuk memenuhi obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa 'force majeure', termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak penyakit atau pandemic, atau apa-apa peristiwa dan keadaan lain, tanpa mengira sifatnya, yang berada di luar kawalan munasabah Maybank.
- 14. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- 15. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.